

Bil. S 45

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH UNDANG-UNDANG PENGUNTUKAN KUMPULANWANG BERKANUN
(PINDAAN) (BIL. 2), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan bab 2 dari Undang-Undang Bil. 9 tahun 1959.
 3. Pindaan Jadual.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH UNDANG-UNDANG PENGUNTUKAN KUMPULANWANG BERKANUN
(PINDAAN) (BIL. 2), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Undang-Undang Penguntukan Kumpulanwang Berkanun (Pindaan) (Bil. 2), 2012.

Pindaan bab 2 dari Undang-Undang Bil. 9 tahun 1959.

2. Bab 2 dari Undang-Undang Penguntukan Kumpulanwang Berkanun, 1959, dalam Perintah ini disebut sebagai Undang-Undang itu, adalah dipinda dengan memotong “\$16,820,498,098.20” dan menggantikannya dengan “\$17,620,498,098.20”.

Pindaan Jadual.

3. Jadual kepada Undang-Undang itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong “\$15,893,012,098.20” sejurus selepas “Dana Sustainability” dan menggantikannya dengan “\$16,693,012,098.20”;

(b) dengan memotong “\$16,820,498,098.20” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “\$17,620,498,098.20”.

Diperbuat pada hari ini 15 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 5 haribulan Jun, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM